



---

**PERMOHONAN BANTUAN *ARTICLE PROCESSING CHARGE* (APC) –  
JURNAL BERINDEKS Q1 DAN Q2  
DI BAWAH TABUNG PENGUKUHAN PENYELIDIKAN FAKULTI SAINS**

---

1. Bantuan bayaran bagi Penerbitan Jurnal Berindeks Q1 dan Q2 adalah merupakan program Bantuan *Article Processing Charge* (APC) untuk staf akademik Fakulti Sains bagi tahun 2020 dalam usaha untuk mempertingkatkan pencapaian dan kualiti penyelidikan. Adalah diharapkan agar program ini dapat memberi motivasi dan galakan kepada penyelidik yang memenuhi syarat untuk terus menghasilkan penerbitan yang berkualiti bagi memenuhi Key Amal Indicator (KAI) UTM dan *Malaysian Research Assessment* (MyRA).
2. Permohonan Bantuan *Article Processing Charge* (APC) ini hanya terhad kepada pembiayaan yuran penerbitan jurnal berindeks Q1 dan Q2 yang diiktiraf oleh Web of Science (WoS). Permohonan boleh dibuat bermula pada **1 Oktober 2020**.
3. Peruntukan maksimum ialah sebanyak **RM1,500.00** sahaja bagi setiap **satu (1) penerbitan artikel dalam jurnal berindeks Q1 dan Q2**. Bantuan bayaran ini diperuntukkan melalui Tabung Pengukuhan Penyelidikan Fakulti Sains.
4. Bantuan bayaran ini adalah terhad kepada **20 pemohon terawal** yang telah memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan atau bergantung kepada baki peruntukan.
5. Syarat-syarat kelayakan bagi permohonan ini adalah tertakluk kepada ahli akademik Fakulti Sains yang:
  - a. Kelayakan hanya diberikan kepada staf yang berdaftar di bawah **Kumpulan Penyelidikan *Single Discipline* (SDRG) Fakulti Sains sahaja**.
  - b. Pemohon merupakan *UTM First Author/ Corresponding Author* bagi artikel terbit.
  - c. Pemohon tidak mempunyai geran penyelidikan aktif (lampirkan bukti usaha mendapatkan geran tetapi masih tidak berjaya); **ATAU** tidak mempunyai baki peruntukan yang mencukupi dari geran penyelidikan sedia ada untuk membayar yuran penerbitan; **ATAU** yuran penerbitan melebihi had kelayakan pengeluaran melalui geran yang ditetapkan oleh UTM.
  - d. Bantuan *Article Processing Charge* (APC) – Jurnal Berindeks Q1 dan Q2 terhad kepada yuran penerbitan di jurnal berindeks Q1 dan Q2 yang diiktiraf oleh Web of Science (WoS) - merujuk kepada *Journal Citation Reports* (JCR) terkini;
  - e. Permohonan akan diproses mengikut *first come first serve basis*. Namun begitu, keutamaan akan diberikan kepada pemohon bantuan kali pertama dan penerbitan dalam jurnal paling berimpak tinggi / kuartil tertinggi.
  - f. Mengemukakan bukti penerbitan: **DITERIMA** (*Accepted*) **ATAU** akan **DITERBITKAN** (*Published*) di dalam jurnal berindeks Q1 dan Q2 Web of Science (WoS) (rujuk bukti seperti diperlukan oleh sistem JCR bagi pengesahan penerbitan).

6. Kaedah permohonan bagi bantuan bayaran penerbitan ini adalah seperti berikut:
- a. Permohonan boleh dibuat **dalam tempoh DUA (2) bulan** setelah mendapat bukti penerimaan penerbitan artikel daripada jurnal berindeks Q1 dan Q2 di Web of Science (WoS). **Artikel mestilah berstatus *accepted* bermula 1 Oktober 2020.**
  - b. Sila kemukakan borang permohonan ke Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan & Inovasi) / Penolong Pendaftar (Penyelidikan) dalam satu (1) salinan. Borang permohonan ini hendaklah diisi dengan lengkap berserta lampiran-lampiran yang diperlukan.
  - c. Bantuan bayaran akan dibayar terus oleh UTM ke akaun penyelidik setelah proses permohonan lengkap diproses dan memenuhi syarat-syarat kelayakan permohonan.
  - d. Pihak pengurusan fakulti berhak untuk membatalkan permohonan yang telah diluluskan atas sebab-sebab yang tertentu.
  - e. Keputusan kelulusan permohonan adalah muktamad.



**BORANG PERMOHONAN BANTUAN *ARTICLE PROCESSING CHARGE* (APC) –  
JURNAL BERINDEKS Q1 DAN Q2**

Timbalan Dekan (Penyelidikan, Pembangunan & Inovasi)  
Fakulti Sains  
UTM Johor Bahru

YBrs. Prof./Dr./Saudara,

**Permohonan Bantuan *Article Processing Charge* (APC) – Jurnal Berindeks Q1 dan Q2**

Saya dengan segala hormatnya memohon untuk pertimbangan seperti tersebut di atas. Butir-butir peribadi dan penerbitan adalah seperti berikut:-

**A. Maklumat Pemohon**

Nama \_\_\_\_\_  
No. Pekerja \_\_\_\_\_  
No. H/p \_\_\_\_\_  
Email \_\_\_\_\_  
Kumpulan Penyelidikan (RG) \_\_\_\_\_  
Bidang Tujahan (Niche Area) \_\_\_\_\_  
Jabatan \_\_\_\_\_

**B. Butiran Penerbitan (Jurnal yang diiktiraf oleh WoS sahaja)**

Kuartil Jurnal       Q1       Q2      *Impact Factor* (IF) : \_\_\_\_\_  
(Tanda / yang mana berkenaan)

Nama Jurnal \_\_\_\_\_  
Tajuk Artikel \_\_\_\_\_  
Senarai Penulis \_\_\_\_\_  
Tarikh Penerimaan Penerbitan (*Accepted*) \_\_\_\_\_  
Yuran Penerbitan (RM) \_\_\_\_\_  
(*Sila sertakan resit asal pembayaran yuran penerbitan jurnal*)  
Jumlah Tuntutan (RM) \_\_\_\_\_

2. Saya mengaku bahawa butir-butir yang dinyatakan adalah benar dan saya bertanggungjawab terhadapnya.

Tarikh .....

.....  
Tandatangan Pemohon

---

**Semakan Ketua Kumpulan Penyelidikan**

Butir-butir permohonan di atas telah disemak dan didapati benar.

Tarikh .....

.....  
Tandatangan  
Ketua Kumpulan Penyelidikan

Cop Rasmi :  
(beserta nama & jawatan rasmi)

---

**Kelulusan Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi, Pembangunan & Alumni)**

Permohonan Bantuan *Article Processing Charge (APC)* bagi penerbitan jurnal berindeks Q1 / Q2 adalah diluluskan / tidak diluluskan.

Catatan :

.....  
.....  
.....

Tarikh .....

.....  
Tandatangan  
Timbalan Dekan (Penyelidikan,  
Pembangunan & Inovasi)

Cop Rasmi :  
(beserta nama & jawatan  
rasmi)

**PERHATIAN:**

Pemohon hendaklah mengemukakan lampiran seperti yang dikemukakan dalam senarai berikut:

Bil	Lampiran	Senarai Semak
1	Salinan artikel yang diterbitkan (Muka depan sahaja)	
2	Salinan muka depan jurnal (ISSN/ISBN)	
3	Salinan bukti jurnal telah diindeks Q1 / Q2 di Web of Science (WoS) - merujuk kepada <i>Journal Citation Reports</i> (JCR) terkini (muka depan jurnal beserta Nombor ISSN/ISBN)	
4	Salinan bukti usaha mendapatkan geran tetapi masih tidak berjaya mendapatkan geran (bagi pemohon yang tiada geran penerbitan)	
5	Salinan surat/email dari <i>Publisher</i> : DITERIMA ( <i>Accepted</i> ) <b>ATAU</b> akan DITERBITKAN ( <i>Published</i> ) di dalam jurnal berindeks Q1 dan Q2 Web of Science (WoS)	
6	Resit asal pembayaran yuran penerbitan jurnal	
7	Bukti kewangan bagi semua ahli dalam senarai penulis yang diambil dari sistem RADIS (lampirkan catatan jika perlu)	

Untuk kegunaan Pejabat	
No Vot Pembayaran .....	Jumlah diluluskan .....
Perbelanjaan di atas Vot .....	Tarikh lulus .....
Baki Peruntukan .....	